

Bab 2.0 : Pembangunan Produk

2.1 : Penhasilan Produk

1 Yang berikut merupakan kriteria kajian keperluan pelanggan **kecuali**...

- A Penambahbaikan
- B Maklumat pelanggan
- C Keberkesanan produk
- D Latar belakang produk

2 Apakah maklumat pelanggan yang perlu ada pada kajian keperluan pelanggan?

- I Pekerjaan
 - II Umur
 - III Jantina
 - IV Latar belakang ekonomi
- A I, II, dan III C I, III, dan IV
B I, II, dan IV D I, II, III, dan IV

3 Apakah faktor sebelum pembelian yang diambil kira oleh pelanggan terhadap sesuatu produk?

- I Reka bentuk
 - II Jenama
 - III Kegunaan
 - IV Pengeluaran
- A I, II, dan III C I, III, dan IV
B I, II, dan IV D I, II, III, dan IV

4 Mengapakah projek brief perlu dilakukan pada peringkat awal projek?

- A Mendapatkan idea awal reka bentuk
- B Menterjemahkan idea reka bentuk
- C Melakar idea reka bentuk
- D Menyaring idea reka bentuk

5 Berikut merupakan maklumat yang terdapat dalam jadual bermaklumat.

- Fungsi
- Persembahan

Apakah maklumat lain yang perlu ada pada jadual bermaklumat projek brief?

- I Jangka masa
- II Saiz
- III Bahan
- IV Kos

- A I, II, dan III
- B I, II, dan IV
- C I, III, dan IV
- D II, III, dan IV

6 Bagaimanakah kaedah saringan maklumat dilakukan pada projek brief?

- I Maklum balas bertulis
- II Sidang video
- III Sesi perbincangan
- IV Soal seldik

- A I, II, dan III
- B I, II, dan IV
- C I, III, dan IV
- D II, III, dan IV

7 Apakah kriteria teknologi yang digunakan untuk menghasilkan produk baharu?

- I Tujuan penggunaan
- II Keberkesanan
- III Fungsi
- IV Aplikasi

- A I, II, dan III
- B I, II, dan IV
- C I, III, dan IV
- D II, III, dan IV

8 Mengapakah teknologi penting kepada produk baharu yang akan dihasilkan?

- A Menjadikan produk pelbagai ciri
- B Menjadikan pereka bentuk celik teknologi
- C Meningkatkan jumlah jualan teknologi
- D Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna

9 Yang berikut merupakan fungsi teknologi kecuali...

- A Menghasilkan produk futuristik
- B Menghasilkan produk yang unik
- C Menghasilkan produk yang boleh bersaing
- D Memenuhi keperluan dan kehendak

10 Bagaimanakah fungsi teknologi boleh dikaitkan dengan reka bentuk yang telah dipelajari?

- I Bateri
 - II Suis tekan tutup
 - III Gam pelekak
 - IV Gear
- A I, II, dan III
B I, II, dan IV
C I, III, dan IV
D II, III, dan IV

11 Maklumat menunjukkan kekuatan suatu komponen

- Murah dan mudah didapati
- Sumber kuasa kepada sistem

Apakah komponen yang digambarkan dalam maklumat di atas?

- A Bateri C Gear
B Motor AU D Suis

12 Mengapakah pengeluar produk memilih menggunakan teknologi moden berbanding teknologi konvensional?

- I Fungsi pelbagai
- II Nilai estetika tinggi
- III Masa yang singkat
- IV Risiko rendah

- A I, II, dan III C I, III, dan IV
B I, II, dan IV D II, III, dan IV

13 Maklumat merujuk pernyataan reka bentuk

Mewujudkan fungsi bagi produk yang telah dihasilkan.

- Apakah konsep kepada pernyataan di atas?
- A Bentuk mengikut prinsip
 - B Bentuk mengikut fungsi
 - C Fungsi mengikut elemen
 - D Fungsi mengikut bentuk

14 Berikut merupakan elemen reka bentuk kecuali...

- A Nilai
- B Tekstur
- C Kontras
- D Bentuk

15 Rajah menunjukkan elemen reka bentuk



Rajah merujuk kepada ...

- A Nilai
- B Ruang
- C Bentuk
- D Saiz

16 Maklumat merujuk kepada suatu prinsip reka bentuk.

Gabungan semua elemen membentuk imej atau idea yang sempurna

Apakah prinsip yang dirujuk kepada maklumat di atas?

- A Kesatuan
- B Harmoni
- C Pergerakan
- D Pengulangan

17 Mengapakah lakaran perkembangan idea penting kepada penghasilan suatu produk?

- I Menjelaskan rupa rekaan
- II Menjelaskan fungsi rekaan
- III Memudahkan penilaian konsep
- IV Penambahan elemen dan prinsip

A I, II, dan III C I, III, dan IV
B I, II, dan IV D II, III, dan IV

18 Mengapakah penambahbaikan perlu dilakukan pada suatu produk?

- A Meningkatkan jualan
- B Memenuhi keperluan dan kehendak
- C Menjadikan produk unik
- D Menonjolkan elemen dan prinsip

19 Yang berikut merupakan media lakaran kecuali...

- A Pensel mata C Pewarna pestel
- B Art marker D Pensel warna

20 Yang berikut adalah maklumat yang diperlukan pada lakaran 3D.

- Saiz
- Prinsip dan elemen

Apakah maklumat lain yang perlu ada pada lakaran 3D?

- I Fungsi
- II Nama produk
- III Bahan
- IV Komponen

- A I, II, dan III C I, III, dan IV
B I, II, dan IV D II, III, dan IV